



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (61)

Tarikh : 30 September 2021

SIARAN MEDIA

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS, 2021-2025 (RMKe-12): KPKT KOMITED DALAM MENJADIKAN MALAYSIA BERDAYA HUNI

PUTRAJAYA, 30 September 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberi komitmen sepenuhnya bagi menjayakan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) seperti mana yang dibentangkan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri pada 27 September 2021 yang lalu.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri KPKT turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah membentangkan satu hala tuju nasional lima tahun akan datang yang cukup menyeluruh selaras dengan tema RMKe-12 iaitu Makmur, Inklusif, Mampan.

Dalam hal ini, aspek-aspek penting RMKe-12 seperti merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memperkukuhkan keterangkuman sosio-ekonomi dan meningkatkan kelestarian alam sekitar dengan mengambil kira persekitaran semasa pasca COVID-19 akan diberi penekanan.

RMKe-12 juga telah menggariskan bidang-bidang keutamaan yang menyentuh fungsi dan peranan KPKT seperti berikut:

- 1. Memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik** demi kesejahteraan keluarga Malaysia. Sasaran Kerajaan adalah untuk menyediakan sebanyak 500 ribu unit Rumah Mampu Milik sehingga akhir tahun 2025.

2. **Meningkatkan taraf hidup isi rumah miskin** dengan menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas.
3. **Memantau dan menilai usaha dan pelaksanaan ke arah mencapai kemampanan bandar.** Tadbir urus bandar akan diperkukuhkan lagi melalui pembangunan **Malaysia Urban Observatory (MUO)**.
4. **Mengarus perdana pendigitalan** dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan menerima pakai teknologi termaju dalam pembangunan bandar selaras dengan Rangka Kerja Bandar Pintar (*Smart City Framework*).
5. **Mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan** bagi menangani perkembangan pesat dan perubahan landskap negara secara keseluruhannya.
6. **Mentransformasi pengurusan sisa pepejal ke arah pembangunan ekonomi kitaran.**

Di bawah fokus perumahan, harga siling rumah mampu milik akan diperkenalkan di pasaran sekunder sebagai mekanisme kawalan harga rumah khususnya di kawasan bandar. Program *Rent to Own* (RTO) akan diperluaskan merangkumi rumah berharga sehingga RM500,000. Dana untuk Rumah Mampu Milik dan Skim Perumahan Belia juga akan disediakan bagi membiayai pembelian rumah pertama.

Untuk itu, KPKT akan menggembeng kerjasama daripada semua pihak termasuklah agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemain industri untuk bersama-sama mencapai matlamat ini. Dalam konteks ini, KPKT sedang dalam kajian untuk menubuhkan *National Housing Corporation* (NHC) yang akan berperanan sebagai peneraju pembangunan perumahan secara bersepadu.

KPKT juga akan mempergiat usaha dalam meningkatkan taraf hidup isi rumah miskin di bandar. Ini termasuklah dari aspek menyediakan infrastruktur fizikal yang mencukupi seperti kemudahan awam dan taman-

taman awam. Latihan keusahawanan, pembiayaan mikro serta peluang dalam ekonomi gig akan diperluas untuk meningkat dan mempelbagai sumber pendapatan isi rumah miskin bandar. Selain itu, KPKT akan turut menambahbaik sistem penyampaian rentas agensi bagi memastikan keberhasilan pembasmian kemiskinan dapat dicapai.

Di samping itu, pembangunan bandar pintar dan mampan akan dipergiatkan bagi meningkatkan daya saing bandar dengan aplikasi ICT, teknologi termaju dan inovasi bagi menangani isu-isu perbandaran. Tumpuan akan turut diberi untuk menerima guna rangka kerja bandar hijau dan berdaya tahan serta pensijilan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan daya tahan bandar.

Pelan induk bandar rendah karbon juga akan diperkenalkan sebagai panduan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur dan bangunan yang mampan serta berdaya tahan di samping menggunakan bahan binaan mesra alam dalam sektor pembinaan.

KPKT juga sedang memperkasa dasar dan inisiatif pengurusan sisa pepejal yang mengambil kira ekonomi kitaran. Kerjasama strategik dengan kerajaan-kerajaan negeri khususnya yang tidak menerima pakai Akta 672 supaya dapat menguruskan sisa pepejal dengan lebih efektif dan mampan. Selaras dengan hala tuju ke arah melaksanakan dasar ekonomi kitaran, KPKT sedang menyediakan Garis Panduan Pembangunan *Waste Eco Park*. Melalui pelaksanaan pembangunan *Waste Eco Park*, industri pemprosesan sisa pepejal dapat dikawal selia secara efektif oleh pihak berwajib dan impak kepada alam sekitar dapat dipelihara, di samping menjana ekonomi negara.

YB Dato' Sri Reezal Merican menyatakan bahawa bagi menjayakan matlamat RMKe-12 ini, KPKT akan membawa agenda ***Liveable Malaysia*** atau **Malaysia Yang Berdaya Huni** sebagai fokus utama yang memberi penekanan terhadap kesejahteraan Keluarga Malaysia dalam ruang lingkup fungsi serta peranan KPKT.

KPKT juga akan melihat usaha-usaha bersepadu lagi inklusif bagi memastikan pelaksanaan RMKe-12 kelak dapat **merawat keresahan rakyat serta mengembalikan keyakinan rakyat**, pasca penularan pandemik COVID-19.

Ini penting agar Keluarga Malaysia secara keseluruhannya dapat merasai dan menjiwai usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya dalam mengurangkan beban lebih-lebih lagi terhadap Keluarga Malaysia dalam kumpulan B40 dan mereka yang tinggal di bandar.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*